

**23 MAUT 4 CEDERA PARAH 3 CEDERA RINGAN 7 SELAMAT**

21 pelajar dan dua warden pusat tahfiz remaja.

**SYAHID SUBUH**

LAPORAN Harian Metro 15 September lalu.

**ANGKARA KHIANAT?**

CCTV rakam keaktifan ke pusat tahfiz.

LAPORAN Harian Metro 16 September lalu.

**API DENDAM**

7 remaja terbabit bakar tahfiz - Ejeikan api motor - 6 positi gambar

LAPORAN Harian Metro 17 September lalu.

# 'Tidak boleh dihukum mati'

**■ Pesalah kanak-kanak terbukti bersalah membunuh diletakkan dalam tahanan di bawah perkenan Yang di-Pertuan Agong**



**Mahaizura Abd Malik**  
mahaizura@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**P**esalah kanak-kanak jika didapati bersalah di bawah Seksyen 302 Kanak-Kanak kerana membunuh tidak boleh dihukum mati tetapi diletakkan dalam tahanan di bawah perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Profesor Undang-Undang Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Datuk Noor Aziah Mohd Awal berkata, tempoh tahanan itu pula tertakluk kepada Ahli Lembaga Pelawat yang di-

lantik khas bagi memantau perkembangan tingkah laku pesalah.

"Satu keburukan hukuman itu ialah kita tidak tahu tempoh tahanan berapa lama kerana tertakluk kepada budi bicara Ahli Lembaga Pelawat yang menilai mereka sepanjang tahanan sebelum menandatangani pembebasan mereka kepada Yang di-Pertuan Agong.

"Perlu diingat, pesalah kanak-kanak di bawah 18 tahun tertakluk di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Mereka tidak dipanggil orang kena tuduh (didapati bersalah) dan walaupun ada kesalahan jenayah tidak boleh dikira sebagai rekod jenayah tidak seperti pesalah dewasa," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, perbicaraan bagi pesalah kanak-kanak mempunyai dua cara sama ada didakwa di Mahkamah Tinggi dengan menggunakan prosedur Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mahupun dibicarakan di Mahkamah Bagi

Kanak-Kanak.

"Prosedur perbicaraan juga berbeza dari mahkamah biasa iaitu perlu ada seorang hakim yang layak serta dua orang rakyat biasa dengan salah seorang daripada mereka adalah wanita.

"Paling penting segala maklumat peribadi pesalah termasuk nama dan gambar tidak boleh disiarkan kerana melanggar Seksyen 15 Akta Kanak-Kanak 2001," katanya.

Sementara itu, menurut Peguambela dan Peguamcara Muhammad Akram Abdul Aziz walaupun pihak polis membuat siasatan di bawah seksyen tertentu atau memberikan saranan untuk suspek didakwa di bawah seksyen tertentu, pihak pendakwa raya adalah pihak yang berkuasa membuat keputusan.

"Pihak pendakwa raya yang mempunyai kata putus (setelah meneliti kertas siasatan) untuk memilih sama ada membuat dakwaan mengikut saranan polis atau memilih untuk mendakwa di bawah seksyen lain yang mereka rasakan lebih ku-

kuh buktinya.

"Adakalanya mereka akan meminta pihak polis menjalankan siasatan lebih lanjut untuk memastikan bukti lebih kukuh atau tidak membuat apa-apa dakwaan jika tiada bukti," katanya.

Menurutnya, bagi kes membabitkan remaja atau kanak-kanak di bawah 18 tahun, ada perbezaan dari prosedur perbicaraan biasa. "Secara amnya, pihak berkaitan akan mengikut prosedur ditetapkan di bawah Seksyen 90 Akta Kanak-Kanak 2001 dan dibaca sekali dengan Seksyen 83 di bawah akta sama.

"Jika yang dituduh itu kanak-kanak, mereka akan didakwa di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, namun jika usianya mencecah 18 tahun, pesalah akan menjalani proses pendakwaan di mahkamah biasa," katanya.

Katanya, dari segi hukuman pesalah kanak-kanak juga berbeza apabila Seksyen 97 Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan golongan itu tidak boleh dihukum gantung sampai mati.

"Walaupun kanak-kanak itu boleh didakwa (secara teorinya) di bawah Seksyen 302, tapi jika dibuktikan bersalah, mereka tidak akan dihukum gantung," katanya.

**"Paling penting segala maklumat peribadi pesalah tidak boleh disiarkan"**  
Noor Aziah